

PERBARISAN BULANAN KOMANDER PANGKALAN UDARA SUBANG



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4647-perbarisan-bulanan-komander-pangkalan-udara-subang-4

SUBANG, 11 Mac 19 - Pangkalan Udara Subang telah mengadakan Perbarisan Bulanan Komander Pangkalan bertempat di Padang Kawad Pangkalan. Perbarisan yang terdiri daripada lima pegawai dan 168 anggota LLP telah diketuai oleh Mej Arahmar bin Jaffar TUDM dari No 22 Skn. Dalam masa yang sama, Majlis pemakaian pangkat, Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah No 22 Skn dan Majlis Serah Terima Tugas Ajutan Pangkalan turut diadakan semasa perbarisan tersebut.

Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM mangambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada warga PU Subang kerana telah menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan BAKAT Pangkalan pada bulan Januari lalu dan komitmen yang diberikan setiap warga pangkalan semasa lawatan pemeriksaan Inspektor Jeneral Tentera Udara (IJTU) ke pangkalan pada bulan Februari yang lalu.



DSC 0214

DSC 0220

